



LATIHAN PDPR MEI-JUN 2021

EKONOMI TINGKATAN 4


100 soalan objektif (Kertas 1)

DISEDIAKAN OLEH:
PANITIA EKONOMI
SMK SUBANG

TINGKATAN 4

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

1. Apakah yang dimaksudkan dengan ekonomi?
 - A Kajian tentang bagaimana manusia mengatasi masalah kos lepas
 - B Kajian tentang bagaimana manusia memaksimumkan keuntungan
 - C Kajian tentang tindakan manusia untuk memenuhi kehendak yang tidak terhad
 - D Kajian tentang tindakan manusia untuk mengurangkan pembaziran sumber alam
2. Masalah pilihan dalam ekonomi berlaku kerana
 - A faktor pengeluaran dalam ekonomi adalah terhad
 - B kadar pertumbuhan penduduk yang tidak terkawal
 - C kehausan dan kepupusan sumber alam semulajadi
 - D faktor pengeluaran adalah tidak terhad dalam ekonomi
3. Antara yang berikut, pilihan manakah yang tepat menggambarkan masalah kekurangan dalam ekonomi.
 - A Kerajaan berhasrat menyediakan semua kemudahan awam dengan kutipan hasil cukai yang diperoleh
 - B En. Husaini dapat membeli semua barang yang disukainya dengan pendapatan yang tinggi hasil daripada keuntungan perniagaannya
 - C Syarikat Ali Bhd mampu mengeluarkan semua barang yang diminta pengguna kerana mempunyai sumber ekonomi yang banyak
 - D Puan Aisyah hanya mampu membeli sepasang kasut sukan sahaja untuk anaknya setelah menerima wang Bantuan Sara Hidup (BSH) sebanyak RM300
4. Antara berikut yang manakah **betul**?
 - A Sebuah firma terpaksa membuat pilihan akibat kekurangan buruh mahir untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan
 - B Seorang suri rumah terpaksa membuat pilihan akibat kekurangan modal untuk berbelanja bagi keperluan keluarganya
 - C Seorang petani terpaksa membuat pilihan akibat kekurangan sumber pendapatan untuk menghasilkan keluaran pertanian
 - D Sebuah kerajaan negeri terpaksa membuat pilihan akibat kekurangan faktor pengeluaran untuk melaksanakan projek pembangunan
5. Rajah di bawah menunjukkan sumber-sumber ekonomi yang diperlukan firma untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan.



Apakah ganjaran bagi faktor pengeluaran X?

- | | |
|----------|----------|
| A Untung | C Upah |
| B Sewa | D Faedah |

KOLEKSI KERTAS SOALAN PERCUBAAN 2020

6. Gambar berikut menunjukkan sejenis faktor pengeluaran.



Pernyataan manakah yang menggambarkan faktor pengeluaran tersebut?

- A Input produktif yang dicipta oleh manusia untuk meningkatkan pengeluaran
- B Sumber semulajadi yang mempunyai penawaran terhad
- C Berperanan menyelaras dan menggabungkan faktor pengeluaran
- D Membenarkan orang lain mengurus keuntungannya

7. Pernyataan di bawah menunjukkan satu masalah ekonomi.

Pendapatan yang diperoleh tidak mampu memaksimumkan kepuasan.

Siapakah yang mungkin menghadapi masalah ekonomi di atas?

- A Syarikat Silika Sdn Bhd
- B Jabatan Pengangkutan Jalan
- C Encik Zamarul
- D Pemilik Amani Enterprise

8. Maklumat berikut berkaitan dengan satu unit ekonomi.

Unit ekonomi X membuat pilihan kerana kekurangan sumber ekonomi.

Pernyataan manakah yang betul tentang unit ekonomi X?

- A Meningkatkan keuntungan dengan meminimum kos pengeluran
- B Mengutamakan kebajikan rakyat daripada projek pembangunan
- C Memaksimumkan kepuasan melalui perbelanjaan berhemah
- D Membekalkan keperluan demi keselesaan pengguna

9. Pernyataan di bawah berkaitan faktor pengeluaran X.

- Sesetengahnya mempunyai mobiliti contohnya mesin.
 Sesetengahnya lagi tidak mempunyai mobiliti seperti bangunan.


Apakah X?

- A Tanah
- B Usahawan
- C Buruh
- D Modal

KOLEKSI KERTAS SOALAN PERCUBAAN 2020

10. Pernyataan manakah benar tentang faktor pengeluaran?
- Tanah merupakan sumber yang diekstrak dari bumi dan lautan
 - Modal mempunyai penawaran yang terhad yang menyebabkan harganya meningkat secara berterusan
 - Buruh merupakan individu yang menggabungkan faktor pengeluaran untuk menghasilkan output
 - Usahawan adalah individu yang memberikan hasil pengeluaran secara produktif sama ada secara fizikal dan mental
11. Antara berikut yang manakah **benar** tentang keluk kemungkinan pengeluaran?
- Pengeluaran kedua-dua barang di sepanjang keluk kemungkinan pengeluaran dapat ditambah secara serentak dengan menggunakan semua sumber ekonomi
 - Kombinasi pengeluaran yang tidak cekap berlaku pada salah satu titik di sepanjang keluk kemungkinan pengeluaran
 - Sumber ekonomi yang tidak digunakan sepenuhnya akan menyebabkan masalah ketidakupayaan ekonomi
 - Untuk menambah kuantiti pengeluaran suatu barang terpaksa mengorbankan kuantiti pengeluaran barang yang lain

12. Rajah di bawah menunjukkan satu keluk kemungkinan pengeluaran.



Firma dikatakan tidak dapat mengeluarkan produk pada titik M. Namun, pengeluaran masih boleh dicapai sekiranya

- Firma memaksimumkan guna tenaga penuh
- Firma hanya mengeluarkan satu jenis barang sahaja
- Firma memberi hadiah kepada pekerja yang paling produktif
- Firma membawa masuk lebih banyak mesin dan teknologi baru

13. Jadual di bawah menunjukkan dua barang yang dikeluarkan oleh satu firma.

Kaedah Pengeluaran	Meja (unit)	Kerusi (unit)
M	100	35
N	70	40
P	40	60
Q	20	75

Jika pihak pengurusan firma tersebut mengambil keputusan untuk mengubah kaedah pengeluaran daripada P kepada Q, berapakah unit meja yang terpaksa dilepaskan?

- | | |
|-----------|-----------|
| A 15 unit | C 40 unit |
| B 20 unit | D 75 unit |

KOLEKSI KERTAS SOALAN PERCUBAAN 2020

14. Antara yang berikut yang manakah merupakan analisis keluk kemungkinan pengeluaran?

- I Ekonomi mengeluarkan 2 jenis barang sahaja
 - II Tingkat teknologi sentiasa berubah
 - III Sumber ekonomi tidak terhad
 - IV Ekonomi mencapai guna tenaga penuh
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |


15. Maklumat berikut berkaitan dengan kaedah pengeluaran bagi Firma Sejahtera untuk mengeluarkan barang **X** dan barang **Y**.

Kaedah Pengeluaran	Barang X (unit)	Barang Y (unit)
P	80	45
Q	50	70

Berapakah kos lepas jika firma tersebut mengubah kaedah pengeluaran daripada P ke Q.

- A 20 unit X
- B 25 unit Y
- C 30 unit X
- D 35 unit Y

16. Rajah di bawah berkaitan dengan Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP).



Pernyataan manakah yang **betul** berkaitan dengan KKP di atas?

- I Titik X menunjukkan kombinasi pengeluaran yang cekap
 - II Titik C menunjukkan berlaku kos lepas terhadap baju sebanyak 10 000 unit
 - III Titik Z menunjukkan ketidakupayaan ekonomi dalam mengeluarkan baju dan kasut
 - IV Titik ABCDE menunjukkan masalah pilihan di sepanjang KKP
- | | |
|-------------|--------------|
| A I dan II | C II dan IV |
| B I dan III | D III dan IV |

17. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan masalah asas ekonomi?

- A Menentukan jenis input yang hendak digunakan
- B Menentukan jenis barang yang hendak dikeluarkan
- C Menentukan kualiti barang yang hendak dikeluarkan
- D Menentukan jangka masa sesuatu barang dikeluarkan

KOLEKSI KERTAS SOALAN PERCUBAAN 2020

18. Pernyataan di bawah berkaitan dengan teknologi moden dalam pembuatan makanan.

Penggunaan teknologi nano dalam pengeluaran daging dingin beku membolehkan penghasilan makanan yang bermutu tinggi.

Pernyataan tersebut berkaitan dengan masalah asas ekonomi

- A Apa dan untuk siapa dikeluarkan
- B Bagaimana dan untuk siapa dikeluarkan
- C Apa dan bagaimana hendak dikeluarkan
- D Berapa dan bagaimana hendak dikeluarkan

19. Maklumat yang berikut berkaitan dengan Encik Awie.

Encik Awie telah berjaya mendapat pinjaman sebanyak RM30 000. Dia membuat keputusan untuk menggunakan tanah seluas satu hektar bagi mengusahakan kolam ternakan ikan air tawar dengan dibantu oleh dua orang pekerja tempatan.

Antara yang berikut, masalah asas ekonomi manakah yang telah diselesaikan oleh Encik Awie?

- I Untuk siapa dikeluarkan
 - II Apa yang hendak dikeluarkan
 - III Bagaimana hendak dikeluarkan
 - IV Berapa yang hendak dikeluarkan
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |


20. Maklumat di bawah berkaitan dengan sistem ekonomi negara X.

Individu di negara X bebas membuat keputusan dalam aktiviti ekonomi. Kerajaan akan campur tangan jika berlaku penyelewengan dalam aktiviti ekonomi.

Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh negara X?

- | | |
|--------------------|-----------------------------|
| A Ekonomi Islam | C Ekonomi Pasaran Bebas |
| B Ekonomi Campuran | D Ekonomi Perancangan Pusat |

21. Maklumat di bawah menunjukkan ciri sistem ekonomi sebuah negara.



Pernyataan manakah yang mewakili S?

- A Wujud mekanisme harga
- B Kebajikan masyarakat diutamakan
- C Persaingan yang bebas antara pengeluar
- D Motif pengeluaran adalah memaksimumkan keuntungan

KOLEKSI KERTAS SOALAN PERCUBAAN 2020

22. Apakah sistem ekonomi yang menggunakan mekanisme pasaran untuk menentukan jenis barang yang dikeluarkan?

- I Sistem ekonomi sosialis
II Sistem ekonomi campuran
III Sistem ekonomi *laissez-faire*
IV Sistem ekonomi perancangan pusat

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

23. Apakah kelebihan sistem ekonomi campuran berbanding dengan sistem ekonomi pasaran bebas?

- A Kestabilan penawaran
 - B Keadilan agihan pendapatan
 - C Tiada persaingan antara firma
 - D Keuntungan firma lebih tinggi

24. Bagaimanakah masalah "apa yang hendak dikeluarkan" diselesaikan dalam sistem ekonomi campuran?

- A Kerajaan mengehadkan pengeluaran lesen perniagaan kepada pihak swasta
 - B Kerajaan mengawalkan barang dengan cara mengenakan cukai terhadap pihak swasta
 - C Pihak swasta mengeluarkan barang ekonomi manakala kerajaan pula mengeluarkan barang awam
 - D Pihak swasta mengagihkan barang mengikut kuasa beli manakala kerajaan mengagihkan barang untuk semua rakyat

25. Pilih pasangan yang **benar** tentang sistem ekonomi dan ciri-cirinya.

	Sumber ekonomi	Keterangan
A	Sistem Ekonomi Islam	<ul style="list-style-type: none"> • Kebajikan masyarakat diutamakan • Individu dan firma bebas tanpa kawalan kerajaan bagi memiliki sumber ekonomi
B	Sistem Ekonomi Campuran	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat persaingan yang sihat • Pihak swasta dan awam saling melengkapi output dipasaran
C	Sistem Ekonomi Perancangan Pusat	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada persaingan antara firma • Kuasa permintaan dan penawaran menentukan harga sesuatu barang
D	Sistem Ekonomi Pasaran Bebas	<ul style="list-style-type: none"> • Harga ditentukan oleh mekanisme harga • Individu, swasta dan kerajaan bebas memiliki faktor pengeluaran

TINGKATAN 4

BAB 2 : PASARAN


26. Pernyataan manakah **benar** tentang hukum permintaan?

- A Sofea akan membeli lebih banyak barang apabila harga barang jatuh
- B Fauzan akan membeli lebih banyak barang apabila harga barang meningkat
- C Syarikat Amir akan mengeluarkan lebih banyak barang apabila harga barang jatuh
- D Syarikat Wafi akan mengeluarkan lebih banyak barang apabila harga barang meningkat

27. Antara yang berikut, yang manakah mungkin menyebabkan pergerakan di atas keluk permintaan kereta?

- | | |
|--------------------------|----------------------------|
| A Penurunan harga petrol | C Kenaikan tambang bas |
| B Penurunan harga kereta | D Kenaikan harga motosikal |

28. Rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran bagi kereta tempatan.



Pergerakan keluk dari S_0S_0 ke S_1S_1 adalah disebabkan

- A Pemberian subsidi oleh kerajaan
- B Penurunan harga faktor pengeluaran
- C Firma bermatlamat untuk memaksimumkan keuntungan
- D Firma bermatlamat untuk memaksimumkan jualan

29. Maklumat di bawah berkaitan kuantiti permintaan dan penawaran bagi suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)	Kuantiti ditawar (unit)
10	30	5
15	25	10
20	15	15
25	10	20
30	5	25

Pernyataan manakah yang **betul** tentang maklumat di atas?

- A Harga cenderung turun pada tingkat harga RM15
- B Harga cenderung naik pada tingkat harga RM20
- C Berlaku lebihan penawaran pada tingkat harga RM30
- D Keseimbangan pasaran tercapai pada tingkat harga RM25

KOLEKSI KERTAS SOALAN PERCUBAAN 2020

30. Maklumat di bawah berkaitan dengan hubungan dua jenis barang.

Apabila harga barang S meningkat, kuantiti permintaan terhadap barang T juga meningkat.





Apakah kemungkinan barang S dan barang T.

- | | |
|------------------|------------------------------------|
| A Bas dan petrol | C Kereta Honda dan Kereta Vios |
| B Gula dan garam | D Mesin pencetak dan katrij dakwat |

31. Maklumat di bawah menunjukkan penentu permintaan bagi barang P.


- | | |
|--------------------------|--|
| <input type="checkbox"/> | Harga barang P dijangka meningkat pada masa depan. |
| <input type="checkbox"/> | Kadar cukai pendapatan individu dikurangkan. |

Keluk manakah yang menunjukkan perubahan permintaan bagi barang P?



KOLEKSI KERTAS SOALAN PERCUBAAN 2020


32. Rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran suatu barang.



Antara berikut, yang manakah **betul** tentang perubahan titik di dalam rajah di atas?

- I A ke B ialah peralihan keluk penawaran
 - II A ke C ialah pergerakan di sepanjang keluk penawaran
 - III A ke B berlaku disebabkan oleh penurunan kadar upah
 - IV B ke C berlaku disebabkan oleh kenaikan harga barang itu
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

33. Rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan telefon bimbit jenama OPPAH.



Apakah faktor yang menyebabkan pergerakan titik A ke titik B?

- A Harga telefon bimbit OPPAH menurun
- B Citarasa pengguna terhadap telefon bimbit OPPAH meningkat
- C Jangkaan harga masa depan telefon bimbit jenama OPPAH menurun
- D Kecanggihan teknologi dalam pembuatan telefon bimbit jenama OPPAH

34. Antara berikut, faktor manakah yang boleh menyebabkan keluk permintaan seseorang pengguna akan beralih ke kanan?

- A Harga barang penggenap meningkat
- B Harga barang pengganti meningkat
- C Pendapatan bolehguna menurun
- D Harga barang itu turun

KOLEKSI KERTAS SOALAN PERCUBAAN 2020


35. Jadual di bawah menunjukkan harga dan kuantiti ditawar terhadap penghawa dingin.

Bulan	Harga (RM)	Kuantiti ditawar (unit)
Januari 2019	1500	5000
Mac 2019	1500	8000

Faktor manakah yang mempengaruhi keadaan tersebut?

- A Pengguna semakin suka menggunakan alat tersebut
- B Kerajaan memberi Bantuan Khas kepada penjawat awam
- C Berlaku fenomena El Nino di dalam negara
- D Penggunaan buruh mahir yang ramai

36. Rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan pasaran bagi suatu barang.



Pernyataan manakah yang **benar** berkaitan rajah di atas?

- I Merupakan kuantiti diminta individu terhadap barang dan perkhidmatan pada setiap tingkat harga dalam pasaran
 - II Diperoleh dengan menjumlahkan secara mendatar semua kuantiti diminta setiap individu pada setiap tingkat harga dalam pasaran
 - III Pada RM2 jika kuantiti diminta individu A ialah 9 unit, maka kuantiti diminta individu B ialah 13 unit
 - IV Berbentuk landai dan mencerun ke atas dari kiri ke kanan kerana hubungan negatif diantara harga dan kuantiti
- | | |
|-------------------|---------------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

37. Jadual di bawah menunjukkan kuantiti penawaran seluar oleh tiga buah firma.

Harga (RM)	Kuantiti penawaran (helai)		
	Firma R	Firma S	Firma T
20	100	120	140
22	120	140	160
24	140	160	180
26	160	180	200

Jika kuantiti permintaan pasaran seluar ialah 480 helai, berapakah tingkat harga keseimbangan pasaran?


- A RM 20
- B RM 22
- C RM 24
- D RM 26

KOLEKSI KERTAS SOALAN PERCUBAAN 2020

38. Apakah kesan terhadap pasaran barang apabila lebihan penawaran berlaku?

- I Tingkat harga barang akan menurun
 - II Kuantiti diminta barang meningkat
 - III Tingkat harga barang akan meningkat
 - IV Kuantiti diminta barang akan menurun
- A** I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV


39. Rajah di bawah menunjukkan perubahan keseimbangan pasaran kereta tempatan.



Tindakan kerajaan manakah yang menyebabkan perubahan tersebut?

- A Melonggarkan syarat sewa beli
- B Menaikkan kadar faedah pinjaman
- C Melaksanakan kempen perkongsian kereta
- D Mengurangkan pelepasan cukai pendapatan

40. Rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan individu A (DADA) dan B (DBDB) terhadap suatu barang.



Jadual manakah yang menunjukkan permintaan pasaran bagi barang tersebut.

A	Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
4	40	
8	28	

C	Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
4	20	
8	11	

B	Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
4	40	
8	22	

D	Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
4	20	
8	10	

KOLEKSI KERTAS SOALAN PERCUBAAN 2020

41. Jadual berikut menunjukkan permintaan empat individu bagi Barang Q.

Harga (RM)	Kuantiti Permintaan (unit)				
	Individu R	Individu S	Individu T	Individu U	Pasaran Barang Q
3	450	560	520	780	2 310
9	380	460	480	Y	1 990

Hitungkan jumlah permintaan Barang Q bagi Individu S dan Individu U pada harga RM9.

- A 1130 unit C 1340 unit
B 1320 unit D 1800 unit

42. Pernyataan berikut berkaitan satu situasi yang berlaku di dalam pasaran.

Kerajaan bersetuju menambah peruntukan subsidi kepada petani kepada RM13 juta berbanding RM5.9 juta sebelum ini. Perkara ini diumumkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, menerusi Paket Rangsangan Ekonomi Tambahan terutama kepada usahawan kecil dan sederhana.


Ubahsuai BH Online, 6 April 2020

Apakah kesan terhadap keseimbangan pasaran akibat peristiwa di atas?

43. Penawaran biskut bertambah daripada 160 unit kepada 220 unit apabila harga biskut meningkat daripada RM 1.50 kepada RM 2.00. Berapakah nilai keanjalan harga penawaran untuk biskut tersebut?

- A** 0.53 **C** 1.13
B 0.89 **D** 1.88

44. Rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran barang W.



Berapakah nilai keanjalan penawaran barang W?

- A 0.3 C 1.0
B 0.5 D 3.0

KOLEKSI KERTAS SOALAN PERCUBAAN 2020

45. Maklumat di bawah mengenai permintaan suatu majalah.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
20	60
16	X

Sekiranya harga telah jatuh dan nilai keanjalan harga permintaan ialah 1.5, berapakah nilai X?

- | | |
|-----------|-----------|
| A 55 unit | C 72 unit |
| B 65 unit | D 78 unit |

46. Jadual di bawah ini menunjukkan harga dan kuantiti diminta bagi suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)
8	70
12	90

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga berubah dari RM8 ke RM12?

- | | |
|--------|--------|
| A 0.57 | C 0.80 |
| B 0.75 | D 2.50 |

47. Maklumat berikut merujuk kepada nilai pekali keanjalan harga permintaan bagi barang S dan M.

	Barang S	Barang M
Nilai pekali keanjalan	1.4	0.6

Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh peniaga untuk meningkatkan hasil jualan bagi barang berikut?

	Barang S	Barang M
A	Naikkan harga	Turunkan harga
B	Turunkan harga	Naikkan harga
C	Turunkan harga	Turunkan harga
D	Naikkan harga	Naikkan harga

48. Permintaan sesuatu barang itu cenderung menjadi tidak anjal jika

- A Perbelanjaan merupakan sebahagian kecil daripada pendapatan
- B Barang itu ialah barang kehendak
- C Barang itu mempunyai banyak kegunaan
- D Barang itu mempunyai banyak pengganti

49. Penawaran sesuatu barang menjadi anjal apabila

- A Berlaku tambahan kos pengeluaran yang sangat besar
- B Bilangan firma yang sedikit dalam pasaran
- C Mobiliti faktor pengeluaran yang rendah
- D Pengeluaran berlaku dalam jangka masa panjang

KOLEKSI KERTAS SOALAN PERCUBAAN 2020

50. Jadual di bawah menunjukkan harga dan kuantiti diminta bagi dua jenis barang.

Jenis Barang	Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti
Y	100	20
Z	50	100

Yang manakah **betul** berkaitan dengan barang Y dan barang Z berdasarkan jadual di atas.

- I Contoh barang Y ialah beras
 - II Pengguna sangat responsif terhadap barang Z
 - III Pengeluar perlu menaikkan harga barang Z untuk meningkatkan hasil jualan
 - IV Kecerunan keluk permintaan barang Y ialah landai
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

TINGKATAN 4

BAB 3 : PENDAPATAN INDIVIDU

51. Situasi manakah yang menerangkan fungsi wang sebagai alat ukuran nilai?
- Encik Ali membayar RM5000 sebagai deposit untuk kereta baharu
 - Cik Amri membayar RM250 setiap bulan untuk motosikalnya selama dua tahun
 - En Azam mengunjungi lebih daripada 10 kedai komputer untuk membandingkan harga komputer sebelum membeli
 - Puan Maimum membeli barang kemas pada harga diskau 70% sempena jualan penghabisan stok oleh Intan Jewel Sdn Bhd

52. Mengapakah wang boleh digunakan sebagai alat bayaran tertunda?

- Wang mempunyai nilai yang stabil
- Wang merupakan alat pertukaran yang sah
- Wang boleh digunakan untuk pembahagian nilai
- Wang dapat mengatasi masalah keperluan dan kehendak serentak

53. Maklumat yang berikut berkaitan dengan salah satu fungsi wang.

Encik Zahir membayar pendahuluan untuk rumah teres dua tingkat RM50 000 dan ansuran bulanan sebanyak RM3 500.


Apakah fungsi wang yang berkaitan dengan maklumat tersebut?

- | | |
|-------------------------------|--------------|
| I Alat perantaraan pertukaran | C II dan III |
| II Alat bayaran tertunda | D III dan IV |
| III Alat ukuran nilai | |
| IV Alat penyimpanan nilai | |
| A I dan II | B III dan IV |
54. Contoh manakah yang **betul** tentang fungsi wang sebagai alat simpanan nilai?
- Pemilikan polisi insurans nyawa dari syarikat insurans Bersepadu Berhad
 - Penetapan harga perabot jati yang diterima dari Indonesia
 - Proses menjelaskan bayaran ansuran kereta dalam tempoh 9 tahun
 - Pembelian komputer riba baru berharga mahal
55. Antara berikut, yang manakah menunjukkan perbezaan antara bank pusat dengan bank perdagangan?

	Bank Pusat	Bank Perdagangan
A	Menerima deposit daripada orang ramai	Menerima deposit daripada firma
B	Memberi kemudahan pinjaman kepada firma	Memberi pinjaman kepada masyarakat
C	Menguruskan akaun kerajaan	Menguruskan akaun semasa
D	Penasihat kewangan kepada syarikat korporat	Penasihat kewangan kepada agensi kerajaan

KOLEKSI KERTAS SOALAN PERCUBAAN 2020

56. Apakah kelebihan menggunakan perkhidmatan overdraf dalam sesuatu urusniaga?
- A Boleh mengeluarkan wang tanpa had
 - B Pendeposit di bank perdagangan layak ditawarkan kemudahan ini
 - C Dapat digunakan oleh peniaga yang menghadapi masalah aliran tunai
 - D Faedah yang dikenakan tidak tertakluk terhadap wang yang dikeluarkan
57. Pernyataan manakah menunjukkan persamaan antara deposit tabungan dengan deposit semasa di bank perdagangan?
- I Disediakan buku akaun simpanan
 - II Pengeluaran wang pada bila-bila masa
 - III Kemudahan menggunakan kad ATM
 - IV Boleh memohon kemudahan overdraf
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
58. Pemilik akaun simpanan tetap
- A dibayar kadar faedah lebih tinggi
 - B menerima penyata bank setiap bulan
 - C diberi kemudahan menggunakan cek
 - D boleh menggunakan kad juruwang elektronik (ATM)
59. Gambar di bawah berkaitan dengan sejenis kemudahan simpanan di bank perdagangan.



Kaedah ini membolehkan saya menikmati kadar faedah yang lebih tinggi jika saya membuat simpanan dalam jangka panjang.

Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang kemudahan simpanan di atas?

- I Dikenakan caj perkhidmatan
 - II Wang tidak boleh dikeluarkan sesuka hati
 - III Tidak boleh menggunakan cek
 - IV Pelanggan boleh menggunakan perkhidmatan overdraf
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

KOLEKSI KERTAS SOALAN PERCUBAAN 2020

60. Antara yang berikut, yang manakah merupakan faedah sampingan?

- I Cuti bersalin
 - II Suasana tempat kerja
 - III Jaminan kerja
 - IV Kemudahan pinjaman kereta
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

61. Gambar di bawah berkaitan sebuah institusi kewangan dalam negara.



Antara berikut, manakah yang merupakan fungsi institusi kewangan tersebut?

- A Menerima deposit daripada orang ramai
- B Menyediakan pinjaman peribadi
- C Mendiskaunkan bil pertukaran
- D Mengawal kestabilan ekonomi

62. Setiap hari, Amin memperoleh wang daripada ayahnya untuk perbelanjaan di sekolah. Jenis pendapatan yang diperoleh Amin dikenali sebagai....

- | | |
|----------|--------------------|
| A Upah | C Bayaran pindahan |
| B Nafkah | D Komisen |

63. Antara berikut, yang manakah menerangkan tentang upah benar?

- I Upah yang diterima dalam bentuk wang
 - II Digunakan untuk meningkatkan taraf hidup individu
 - III Merujuk kepada kemampuan upah wang untuk membeli barang
 - IV Keupayaan menghasilkan barang dan perkhidmatan
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

64. Maklumat di bawah berkaitan dengan pemilihan pekerjaan individu.



Bayaran lumayan akan ditawarkan kepada mereka yang berjaya dalam temu duga
Kelulusan diploma atau kelayakan lain yang setara diperlukan
Sesiapa yang berminat, sila hubungi Mr Ang (0199865623)

KOLEKSI KERTAS SOALAN PERCUBAAN 2020

Antara berikut, yang manakah mungkin merupakan faktor yang menarik En Lee untuk memohon jawatan tersebut?

- I Upah wang
 - II Waktu bekerja
 - III Faedah sampingan
 - IV Kelayakan akademik
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

65. Kolej komuniti di seluruh negara menyediakan pelbagai kursus jangka pendek kepada orang ramai.

Apakah faktor pemilihan pekerjaan yang berkaitan dengan pernyataan tersebut?

- | | |
|---------------------|----------------------------|
| A Jaminan kerja | C Pengalaman dan kemahiran |
| B Prospek pekerjaan | D Suasana tempat kerja |

66. Rumus berikut menunjukkan rumus pendapatan individu.

Pendapatan individu = Upah + Sewa + Faedah + Z + Untung + Bayaran pindahan

Z merujuk kepada

- | | |
|-----------------------------|-----------|
| A Kerja lebih masa | C Dividen |
| B Bantuan Prihatin Nasional | D Pencen |

67. Apakah aktiviti ekonomi yang tergolong dalam sektor kedua?

- A Penanaman kelapa sawit dan pembinaan jalan raya
- B Pembinaan rumah dan perusahaan perabot
- C Perusahaan tekstil dan perkhidmatan hotel
- D Perlombongan dan perkhidmatan insurans

68. Cik Munirah menerima gaji bulanan RM5 000. Sekiranya kerajaan menaikkan kadar caruman KWSP pekerja daripada 11% kepada 12%, keadaan yang manakah akan berlaku?

	Potongan Wajib	Pendapatan Boleh Guna	Gaji Bulanan
A	Meningkat	Menurun	Tetap
B	Tetap	Menurun	Meningkat
C	Menurun	Meningkat	Tetap
D	Tetap	Meningkat	Menurun

69. Syakila mempunyai idea yang kreatif dalam mengubah suai dan menghias barang hantaran perkahwinan dan cenderahati untuk semua jenis majlis. Beliau telah mula mengambil tempahan melalui laman sesawang Facebook dan Instagram.

Apakah kaitan pernyataan di atas dengan matlamat pendapatan peribadi beliau?

- I Pilihan pendidikan
 - II Keadaan ekonomi
 - III Keusahawanan
 - IV Kemahiran
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

KOLEKSI KERTAS SOALAN PERCUBAAN 2020

70. Maklumat berikut adalah mengenai Puan Aliya.

Pendapatan tahunan Puan Aliya ialah RM48 000. Daripada jumlah ini, RM5 280 dicarumkan kepada KWSP, RM600 untuk potongan cukai pendapatan dan RM300 untuk bayaran zakat.

Hitungkan perbelanjaan penggunaan Puan Aliya jika tabungan adalah RM 4 600.

- | | |
|------------|------------|
| A RM37 220 | C RM41 820 |
| B RM37 520 | D RM43 400 |

71. Maklumat di bawah berkaitan sejenis kaedah pembayaran.

Encik Malek telah membeli satu set perabot dengan bayaran ansuran RM200 sebulan selama 2 tahun.

Mengapa Encik Malek memilih kaedah pembayaran tersebut?

- | | |
|---|--------------|
| I Harga lebih murah | |
| II Menikmati diskaua harga | |
| III Meringankan beban kewangan | |
| IV Menikmati barang walaupun harga penuh belum dijelaskan | |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

72. Maklumat manakah yang **betul** tentang kaedah pembayaran?

	Bayaran Tunai	Bayaran Kredit
A	Mudah mendapatkan perkhidmatan selepas jualan	Dapat menikmati barang mewah
B	Tidak dapat melindungi diri daripada inflasi	Boleh menggunakan barang yang dibeli untuk menjana pendapatan
C	Menikmati harga yang lebih murah	Barang menjadi hak milik selepas membayar pendahuluan
D	Dapat meningkatkan taraf hidup	Mendorong pengguna berjimat cermat

73. Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan Cik Halimah.

Butiran	RM
Gaji	1 800
Dividen	350
PERKESO	8.50
KWSP	198
Bayaran sewa rumah	400

Berapakah pendapatan boleh guna Cik Halimah pada bulan tersebut?

- | | |
|---------------|---------------|
| A RM 1 193.50 | C RM 1 543.50 |
| B RM 1 243.50 | D RM 1 943.50 |

KOLEKSI KERTAS SOALAN PERCUBAAN 2020

74. Antara yang berikut yang manakah merupakan pasangan pernyataan yang **tepat**?

	Keperluan	Kehendak
A	Harga barang keperluan biasanya dikawal oleh kerajaan	Harga barang kehendak ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran
B	Barang keperluan mempunyai banyak pilihan	Barang kehendak adalah terhad kepada beberapa jenis barang sahaja
C	Barang keperluan adalah penting untuk mencapai kehidupan yang selesa	Barang kehendak bertujuan untuk mencapai keselesaan hidup yang minimum
